Harian metro
2/10/2015
m/s V4

# Menjawab persoalan JEREBU

**Punca utama disebabkan perbuatan manusia menerusi pembakaran biojisim selain faktor sampingan perindustrian dan kenderaan bermotor**



### Panduan

***Tindakan ketika jerebu***

- *Kurangkan aktiviti fizikal di luar rumah*
- *Sentiasa berada dalam bangunan. Jika terpaksa berada di luar, pastikan anda memakai topeng hidung dan mulut jenis 3 ply*
- *Pastikan udara dalam rumah sentiasa bersih daripada sumber pencemaran seperti asap rokok*
- *Apabila memandu, buka pendingin hawa. Pilih operasi kitaran udara*

dalaman
- Banyakkan minum air kosong (sekurang-kurangnya 8 gelas sehari)
- Basuh tangan dan muka dengan sabun dan air bersih selepas melakukan aktiviti di luar rumah
- Mereka yang mengalami penyakit seperti batuk, selsema, asma, sakit mata, jangkitan paru-paru yang kronik hendaklah dapatkan pemeriksaan dengan segera
- Sentiasa mendapatkan maklumat terkini daripada media massa dan mengikut nasihat serta saranan pihak berkuasa.

*(Sumber: Kementerian Kesihatan)*

## Info

**Bilangan titik panas (HOTSPOT)**

*Berdasarkan laporan ASEAN Specialised Meteorological Centre (ASMC) yang berpusat di Singapura pada 29 September 2015, imej satelit National Oceanic and Atmospheric Administration (NOAA) mengesan:*

*1) 50 titik panas di Kalimantan*
*2) 49 titik panas di Sumatera*








